

**WACANA DAN TEORI REKABENTUK MENARA MASJID
DI NUSANTARA**
**(Discourse and Theory on Minaret's Designs of Mosque in Malay
Archipelago)**

Oleh:
Azizul Azli Ahmad*
Aizan Ali @ Mat Zin**
Ezrin Arbi***

Abstrak

Menara menjadi elemen penting dalam perkembangan seni bina Islam di Malaysia hari ini. Terdapat tiga bentuk asas menara yang menjadi rujukan para arkitek dalam pembangunan menara masjid. Menara masjid juga seringkali dikaitkan dengan pengaruh Byzantine yang dikatakan lebih awal memiliki menara. Sebelum lahirnya kerajaan Byzantine masyarakat Mesopotamia lebih awal memiliki menara. Apakah kebudayaan menara di Nusantara dipinjam dari kerajaan Byzantine atau kerajaan sebelumnya? Penulisan ini juga merungkai peranan menara dan simbol menara pada seni bina Islam. Menara dilihat kurang signifikan pada masjid di Alam Nusantara kerana faktor geografi lokasi masjid, gunung-ganang, pohon-pohon yang rimbun dan kondisi iklim menjadi halangan kepada suara muazin untuk sampai pada tempat yang jauh. Namun fungsi menara masih relevan malah menjadi simbol kepada bahasa seni bina Islam pada hari ini. Pembangunan menara Abraj al Bait yang digelar The Makkah Royal Clock dilihat berjaya sebagai sebuah mercu tanda baru bagi kota suci Makkah.

Kata kunci: Seni bina Islam, Menara, Masjid, Byzantine, Alam Melayu

Abstract

Minaret is one of paramount importance elements in the development of Islamic Architecture nowadays. Three pivotal designs can be referred to by architects in designing minarets for a mosque. These designs of minaret usually linked to the influence of Byzantine; it is believed that they are the owner of minaret architecture. On the other hand, earlier than Byzantine period, Mesopotamian own the similar architecture; minaret. The issue here is who built it first; Byzantine or Mesopotamian? The paper analyzes the functions and symbol of minaret in Islamic architecture by scrutinizing the mosques in Malay Archipelago due to its significance appearance. The finding proves that minaret is not significant in Malay Archipelago due to its geographical factors.

Keywords: Malay Archipelago, Islamic Architecture, Minaret, Mosque, Byzantine

* Azizul Azli Ahmad, MA, merupakan pensyarah di Jabatan Seni Bina Dalaman, Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, UiTM Perak. Beliau boleh dihubungi melalui email: azizulazli@siswa.um.edu.my

** Aizan Ali @ Mat Zin, PhD, merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui email: aizan@um.edu.my

*** Ezrin Arbi adalah Prof Emeritus Jabatan Seni Bina, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Pengenalan dan Latarbelakang Menara

Perkataan menara adalah berasal daripada perkataan dalam bahasa Arab; manara. *Manara* berasal daripada kata dasar `nar' yang bermaksud `cahaya; api'.¹ Pada zaman dahulu, api dipasang pada menara tinggi untuk menandakan masuknya waktu solat, iftar, imsak dan sebagai pengumuman sesuatu perkara penting. Pemasangan api dapat berfungsi dengan baik. Ia dapat dilihat pada jarak yang berbatu-batu jauhnya.

Sejarah laungan azan telah wujud sejak zaman Rasulullah S.A.W. Dalam sebuah hadis diriwayatkan bahawa pada suatu ketika Rasulullah S.A.W. sedang memikirkan tentang cara terbaik untuk memanggil kaum Muslimin untuk solat berjamaah. Ada yang mencadangkan gendang dan loceng tetapi Baginda S.A.W tidak menyukainya kerana ia meniru cara orang Kristian dan Yahudi. Baginda S.A.W. mengarahkan Bilal Ibnu Rabah ke kawasan berbukit untuk melaungkan azan.

Pembinaan masjid di zaman Rasulullah S.A.W. tidak menumpukan kepada menara. Catatan sejarawan menunjukkan bahawa pembinaan menara masjid bermula sejak zaman Muawiyah ketika syiar Islam di negara-negara lain mula berkembang. Dalam perkembangan seni bina masjid, antara komponen penting seni bina adalah kubah, mihrab, minbar dan menara. Elemen-elemen ini menjadi pelengkap kepada bahasa seni bina masjid yang dibangunkan pada masa itu. Seni bina masjid yang didirikan tanpa menara dianggap kurang sempurna dari segi bahasa seni bina masjid yang sepatutnya.² Menara merupakan sebahagian daripada elemen ruang yang hadir dalam seni bina masjid.

Menara adalah tempat untuk mu'azzin melaungkan azan setiap kali masuknya waktu solat. Selain dikenali sebagai menara, ia juga dikenali sebagai 'ma'zanah' iaitu perkataan arab yang bermaksud tempat untuk melakukan azan. Menurut *Wolf Shoemaker.C.P*³, dalam bukunya *Islamic Architecture* beliau menjelaskan bahawa menara merupakan mercu suara atau rumah api.

Menurut Jonathan Bloom⁴ dalam bukunya '*Minaret; Symbol of Islam*' bahawa perkataan *minaret* telah wujud sejak kurun ke 17 Masihi yang berasal daripada perkataan Turkish iaitu '*minare*'. Dalam *Dictionary of Islamic Architecture*⁵ dijelaskan:

¹ Wehr, H. A Dictionary of Modern Written Arabic, Cowan, J.M (ed.), h. 1009

² Abdul Halim Nasir (1995). Seni Bina Masjid di Dunia Melayu Nusantara, UKM. Bangi.

³ *Wolf Shoemaker.C.P* (2002), *Islamic Architecture*


⁴ Jonathan Bloom (1989). *Minaret; Symbol of Islam*, Faculty of Oriental Studies, University of Oxford, UK

⁵ Andrew Petersen (2002) *Dictionary of Islamic Architecture*. Taylor and Francis. UK


Tower-like structure usually associated with mosques or other religious buildings.

Sejarah permulaan kewujudan menara pada sisi masjid tidak dapat dikenal pasti dengan jelas. Pada zaman Rasulullah S.A.W., masjid-masjid yang didirikan tidak memiliki menara sehinggalah ke zaman para sahabat. Azan yang dialunkan oleh mu'azzin akan dilaungkan pada kawasan tanah lapang tanpa sebuah ruang yang khusus untuk tujuan tersebut. Selain itu azan juga dilaungkan pada bahagian bumbung bangunan atau pelantar yang ditinggikan agar suara mu'azzin dapat didengar dengan jelas.

Menurut H.Aboebakor⁶ dalam tulisannya *Sejarah Masjid dan Amalan Ibadah di Dalamnya*, menyatakan bahawa menara masjid pertama yang dibangunkan di dalam Islam ditemui pada Masjid Qirawan (724M-743M). Menara pada masjid tersebut berbentuk tirus dan tinggi serta menjulang ke arah langit. Dalam tulisan itu juga menyatakan bahawa terdapat juga monumen seperti menara telah dibangunkan oleh Khalifah Al-Walid (705M-743M) di Masjid Besar Damsyik "The Great Mosque". Menurut Radzi Saphic⁷ dalam bukunya *Rumah Azan* menjelaskan bahawa Khalifah Al-Walid dari keturunan Bani Umaiyah telah melakukan pengubahsuaian pada sebuah gereja lama peninggalan Kristian Kerajaan Byzantine.




Gambar 1: Bentuk asas reka bentuk masjid dan kedudukan menara



Gambar 2: Kedudukan menara masjid dan Besar Damsyik "The Great Mosque".

⁶ H.Aboebakor (1955) *Sejarah Masjid dan Amalan Ibadah di Dalamnya*, Bandjarmasin: Toko Buku Adil & Co

⁷ Radzi Saphic (2009) *Rumah Azan*, Karnadya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur



Gambar 3: Evolusi reka bentuk menara masjid-masjid awal

Bangunan itu asalnya memiliki dua buah menara yang satunya menempatkan loceng dan satunya lagi digunakan untuk menyalakan api pada waktu malam. Kalifah Al-Walid telah menambah satu lagi menara pada bahagian utara bangunan tersebut. Walau bagaimanapun pendapat yang menyatakan bahawa ianya merupakan sebuah gereja Kerajaan Byzantine asalnya telah dinafikan oleh Anwar Talib dalam kajiannya bahawa asalnya Masjid Besar Damsyik, (Damascus) sememangnya adalah masjid dan bukannya gereja seperti yang dicatatkan oleh pengkaji sebelumnya.⁸

Menurut Jonathan Bloom dalam tulisannya yang berjudul *'Minaret Symbol of Islam'*⁹ terdapat enam struktur menara masjid terawal yang digabungkan dengan fasad bangunan masjid terdapat di Damsyik, Qairawan, Siraf, Harran dan dua lagi terdapat di Samarra. Menurut beliau, struktur menara ini bertujuan menyediakan satu ruang kepada muazim untuk memanggil orang sembahyang dan solat. Jonathan Bloom dalam tulisannya menyatakan bahawa menara masjid pertama didirikan pada masjid adalah di Zaman Umayyah dan bukannya Abasiyah seperti yang dinyatakan oleh penulis sebelum ini.

Meskipun menara masjid pertama mula wujud pada kurun ke 9, namun penggunaan menara sebagai simbol penting dalam elemen seni bina Islam menonjol dan diperluaskan pada abad ke 11 dan menara mula diterima sebagai simbol Islam pada kurun ke 13. Ini dibuktikan dengan kehadiran masjid seperti Masjid Sultan Baybars, Mesir, Masjid Samarqand, Masjid Sultan Suleiman dan sebagainya.


⁸ Lihat Anwar Talib (1998), *The Tradisional of Tauhid In Islamic Art; decoration and Interior Spaces of Traditional Mosque* (satu kajian morfologis dan simbolik-Estetis) tesis UKM yang tidak diterbitkan; ada menjelaskan bahawa gereja mengikut paksi Timur dan Barat, manakala pelan masjid adalah mengikut arah kiblat (kearah Selatan dari lokasi Damsyik). Dari segi keluasan belum ada gereja yang sedemikian besar yang didirikan di Damsyik (pada masa itu dan sebelumnya)

⁹ Jonathan Bloom (1989). *Minaret; Symbol of Islam*, Faculty of Oriental Studies, University of Oxford, UK


Menara Masjid di Negara-Negara Islam Yang Terawal

Menara bukannya ciri-ciri asal pembangunana sebuah masjid, menara azan dipercayai oleh sesetengah pemikir dipinjamkan dari Kerajaan Byzantium oleh umat Islam di zaman perluasan wilayah Islam di luar semenanjung Tanah Arab. Sebelum kedatangan Islam menara dipercayai telah lama wujud pada bangunan-banguna gereja yang terdapat pada kerajaan Byzantine. Pendapat yang menyatakan bahawa kerajaan Islam meminjam dari kerajaan Byzantine juga sebaiknya disangkal kerana menara api telah mula wujud sejak zaman Mesopotamia lagi. Oleh yang demikian tanggapan bahawa Tamadun Islam mula meminjam seni bina menara dari kerajaan Byzantium seharusnya disangkal dan dinafikan asal kewujudan menara tersebut. Seringkali pembangunan sesebuah tamadun akan mudah dipengaruhi oleh perkembangan tamadaun yang berada disekitarnya atau lebih 'maju' dari tamadunnya.

Di Mesir pula menara-menara masjid yang terdapat pada masjid masjidnya menyerupai bentuk menara yang terdapat di Alexandria di mana bahagian pelan menara berbentuk segi empat dan kemudiannya berubah menjadi lebih langsing. Tirus dan bersegi lapan pada bagian puncaknya.



Gambar 4: Bentuk menara Masjid Samara (kiri) dan Menara Masjid Ibn Tulun



Gambar 5: Gaya dan bentuk menara masjid di Mesir



Gambar 6: Gaya dan bentuk menara masjid di Afrika

Di Afrika Utara bentuk masjid yang terdapat di situ lebih mirip kepada bentuk masjid yang terdapat di Syria, contohnya menara Masjid Sidi Ukba. Menara masjid tersebut mempunyai tiga tingkat dan bahagian tapak menara mirip dengan bentuk menara yang ada di zaman Bani Umaiyah.

Di Iraq bentuk menaranya seperti spiral pada menara lama Zaman Babylon, sebagaimana yang dapat dilihat pada Masjid Samarra yang terletak 100km dari utara Baghdad iaitu di sebelah sungai Tigris. Di zaman itu telah banyak masjid-masjid yang didirikan oleh khalifah khalifah Abbsiyah 834M-883M. Selain bentuk spiral menara masjid yang dibangunkan selepas itu juga dapat dilihat pada reka bentuk menara yang terdapat pada Masjid Ibn Tulun.

Di Iran dan Asia menara masjid dihubungkan terus dengan bangunan masjid dan berfungsi sebagai pemberi isyarat dan penyuluh cahaya kepada jalan-jalan di sekitarnya. Bagi bangunan madrasah yang mengajarkan pengajian, menara merupakan penghubung antara bangunan masjid dengan tempat belajar. Di setetengah menara terdapat sebuah bilik kecil untuk menempatkan sesiapa sahaja yang ingin melakukan ibadah secara bersendirian. Ruangan ini biasanya dikenali sebagai maksurah¹⁰ dan hanya terdapat di Syria, Egypt, Afrika dan Indonesia.


Rupabentuk Menara Masjid Yang Terawal

Secara umumnya bentuk dan hiasan pada menara masjid telah berubah dan telah dipelbagaikan. Menara masjid yang berbentuk empat segi adalah karektur menara masjid-masjid yang terdapat di Syria, Mesir dan Utara Afrika. Di zaman awal pemerintahan Abasiyah di Mesopotamia, bentuk menara masjid adalah berbentuk bulat atau silinder memiliki selurus laluan yang melandai pada bahagian luar menara untuk tujuan dinaiki oleh muadzin untuk melaungkan azan. Pergerakan manusia di bahagian luar menara dapat dilihat dengan jelas. Ini dapat dilihat pada rupa bentuk menara masjid Samarra dan Masjid Ibn Tulan.

Pada kurun ke 19, Mesir telah memperkenalkan reka bentuk menaranya tersendiri di mana reka bentuk menaranya melibatkan penggabungan unsur menara Syria dan Mesir, reka bentuk pada bahagian bawah masjid berbentuk segi empat dan berbentuk silinder pada bahagian atas menara. Rekabentuk menara pada masjid-masjid di Iran, Iraq, India dan pertengahan Asia lebih kepada berbentuk silinder, ini mungkin disebabkan oleh pengaruh kepada menara-menara yang dibangunkan sebelumnya. Selain itu terdapat juga menara yang berbentuk bintang (dari pandangan atas) seperti menara Ghaznavids dan menara Qutb di Delhi. Di India,

¹⁰ Maqsura merupakan kawasan tertutup yang berada berhampiran dengan mimbar dan mihrab yang ada pada peringkat awal pembangunan masjid. Asalnya digunakan untuk para khalifah menunaikan solat di dalamnya bagi mengelak ancaman musuh. Ia juga menjadi tempat untuk bersendirian dan juga ruangan spritual untuk melakukan ibadah.

para cendekiawan arkitek Islamnya telah memperkenalkan bentuk ‘polygonal’ pada rekabentuk menara masjidnya.



Gambar 7: Gaya dan bentuk menara masjid di Iran



Gambar 8: Gaya dan bentuk menara masjid berbentuk silinder atau kon



Gambar 9: Gaya dan bentuk menara masjid berbentuk segi empat

Di zaman pemerintahan Ottomaniah di Turki, menara direka bentuk berbentuk tirus dan ramping, berbentuk kon dan berkeratan rentas polygon diperkenalkan pada masjid-masjid di Turki. Rekabentuk kon yang tajam ini dipercayai lahir dari topi kebudayaan yang dipakai oleh masyarakat Turki semasa upacara-upacara tradisinya. Reka bentuk menara tersebut telah mempengaruhi seni bina menara di Utara Afrika dan Negara-Negara Timur lainnya.

Secara umumnya terdapat tiga jenis reka bentuk menara masjid iaitu menara masjid berbentuk segi empat (pandangan dari atas–pelan bangunan), bentuk silinder atau kon (dari pandangan pelan berbentuk bulat) dan penggabungan segi empat dan silinder, walau bagaimanapun bentuk ini telah dipelbagaikan contohnya semakin bertingkat dan semakin mengecil bila sampai ke puncaknya. Menara silinder berbentuk bintang (pandangan pelan berbentuk bintang) hanya wujud

pada awal perkembangan Islam dan kemudiannya terus ditelan zaman dan tidak digunakan lagi selepas itu.

Kedudukan Menara Pada Sesebuah Masjid

Kedudukan menara pada sesebuah masjid tidak dapat diketahui dan ditentukan secara khusus. Pada peringkat awal pembangunan menara masjid, kedudukannya terletak pada sisi bahagian yang bertentangan dengan bahagian dinding yang menghadap ke arah kiblat (ka'bah) kedudukan ini dapat dilihat pada masjid awal seperti Masjid Sammara dan Masjid Ibn Tulan. Di negara seperti Iran dan Afganistan, memiliki ketentuan yang tersendiri terhadap kedudukan menara pada sesebuah masjid. Kedudukannya tidak semestinya bertentangan dengan dinding yang menghadap ke arah kiblat. Terdapat juga kedudukan menara yang terletak bersebelahan dengan pintu gerbang bersebelahan dengan masjid, malah terdapat juga menara masjid yang ada bersebelahan dengan dinding mengarah ke kiblat. Di Turki pada zaman pemerintahan Uthmaniah terdapat undang-undang yang ditetapkan oleh sultan pada zaman itu tentang kedudukan menara masjid. Terdapat dua pilihan kedudukan menara masjid iaitu pada simpang atau hujung tepi selari dengan pintu masuk utama atau kedudukan bahagian kanan pada dinding yang bertentangan dengan arah kiblat.

Di Mesir pada zaman pemerintahan Mamluk, kedudukan menara masjid pada umumnya dibina pada bahagian yang bertentangan pintu masuk utama atau pada bahagian hujung tepi dinding yang terletak pada bahagian utara.

Bilangan Menara Pada Sebuah Masjid

Tidak dapat ditentukan secara khusus bilangan menara pada sesebuah masjid. Di Turki di zaman pemerintahan Uthmaniah bilangan menara pada sesebuah masjid ditentukan berdasarkan kebenaran yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan. Masjid yang dibina atas arahan sultan biasanya memiliki lebih dari satu menara (Masjid Pemerintah). Berdasarkan penelitian penulis, masjid pemerintah memiliki empat atau lebih menara. Walaupun demikian, bagi negara-negara bukan di bawah naungan kuasa besar yang lain, bilangan menara biasanya lebih dari dua.

Hingga kini belum ada sumber yang jelas bilangan menara yang sepatutnya dibina bagi sesebuah masjid. Secara umumnya, dapat dilihat kebiasaannya walaupun sesebuah masjid itu mempunyai lebih dari satu menara tetapi reka bentuk dan dekorasi pada menara-menaranya tetap sama dan masih tiada keseragamannya. Jumlah menara juga seringkali bergantung kepada pengaruh seni bina mana yang akan dibawa. Seni bina Turki zaman Uthmaniah dikatakan sebagai pelopor utama dalam memperkenalkan jumlah menara yang melebihi dari dua buah menara pada masjid-masjid.

Rekabentuk Menara Pada Sesebuah Masjid

Reka bentuk menara semakin diperluaskan dengan kehadiran dekorasi pada bahagian dinding menara, antaranya dihiasi dengan pelbagai ornamen dan dekorasi Arabes yang pelbagai. Selain terdapatnya corak pada bahagian menara masjid terdapat juga unjuran anjung (balcony) pada bahagian fasad hadapan menara supaya menjelaskan pintu masuk menuju ke bahagian atas menara. Keadaan ini dapat dilihat pada menara masjid yang terdapat di Iran dan di Asia. Semakin banyak jumlah anjung pada bahagian menara semakin tinggi nilai estetikanya sepertimana yang terdapat pada menara masjid yang terdapat di zaman pemerintahan Mamluk, Uthmaniah dan Asia Tenggara.

Terdapat juga menara masjid yang dihiasi dengan *muqarnas* pada bahagian bawah anjung untuk mempertingkatkan rupa bentuk kesenian sesebuah masjid. Terdapat juga menara masjid yang dihiasi dengan menggunakan batu-batu mozik kecil yang membentuk kesenian arabes dan geometri. Penggunaan seramik, batuan granite, terrakota dan marmar yang berwarna dan dipotong indah bertujuan untuk menghiasi bahagian dinding luar menara masjid. Ini semua bertujuan mempertingkatkan imej rupa bentuk menara masjid tersebut supaya kelihatan menarik dan dapat dilihat dari pandangan jauh.

Elemen seni bina lain yang turut digunakan sebagai elemen dekorasi atau hiasan pada sesebuah menara masjid termasuklah penggunaan tetiang kecil (columnists), barisan lengkung dalam dinding (niches), lengkungan (arch) bukaan-bukaan kecil dengan pelbagai bentuk dan ragam hias. Tidak terkecuali penggunaan tingkap sebagai hiasan-hiasan kecil dan lubang pengudaraan.

Melalui kewujudan elemen-elemen seni bina dan dekorasi yang indah menara telah mengubah fungsinya dari menjadi sebuah tempat untuk melaungkan azan oleh muazin kemudiannya berkembang menjadi satu mercu tanda dan simbol penting kepada kedudukan dan wujudnya sesebuah petempatan di sesuatu kawasan.



Gambar 10: Gaya dan bentuk menara masjid yang dihiasi dengan *muqarnas* pada bahagian bawah anjung untuk mempertingkatkan rupa bentuk kesenian sesebuah masjid



Gambar 11: Gaya dan bentuk menara masjid berbentuk silinder atau kon



Gambar 12: Menara Masjid Kudus dipercayai menara masjid tertua di Alam Nusantara



Gambar 13; Menara Masjid Kg Laut, Kelantan yang dibangunkan berbeza dengan waktu masjidnya di bina



Gambar 14; Menara Masjid Kg Hulu, memiliki pengaruh luar pada reka bentuk menaranya

Menara Masjid di Alam Nusantara

Masjid-masjid tradisi yang dibangunkan di Nusantara asalnya tidak memiliki menara. Faktor geografi menjadikan pembangunan menara kurang berfungsi dan tidak praktikal di lingkungan ini. Kedudukan lokasi masjid, gunung-ganang, pohon-pohon yang rimbun dan kondisi iklim menjadi halangan kepada suara muazin untuk sampai pada tempat yang jauh.

Tidak menghairankan apabila masjid-masjid tradisi di Nusantara kebanyakannya tidak memiliki menara. Seringkali juga ditemukan bahawa, terdapat pembangunan masjid dan menara tidak didirikan pada waktu yang sama. Menara Masjid Agung Demak (1479M), masjid tertua di Nusantara misalnya dibangunkan pada waktu yang berbeza.

Menara masjid tersebut dibangunkan pada zaman penjajahan Belanda tahun 1912. Menara Masjid Kampung Laut, Kelantan dan Masjid Kampung Hulu, Melaka memiliki keunikan tersendiri. Menurut Halim Nasir (1995) menara Masjid Pulau Condong, Kelantan merupakan menara masjid tertua di Semenanjung Malaysia. Dipercayai bahawa Menara Masjid Kampung Hulu, Masjid Kampung Kling dan Masjid Tengker, di Melaka memiliki gaya seperti Pagoda di China.

Di Indonesia masjid yang memiliki menara pada asal pembangunannya hanya Masjid Kudus, di Jawa Tengah. Masjid ini memiliki sejarahnya yang tersendiri. Ia dibangunkan sejak zaman sebelum kedatangan Islam. Proses Islamisasi telah merubah fungsi sebuah candi Hindu menjadi masjid, melahirkan gaya menara yang tersendiri. Keunikan sejarah ini juga menjadikan orientasi kiblat masjid ini tidak tepat ke arah kiblat. Masjid Agung Banten, Jawa Barat memiliki menara yang berfungsi sebagai rumah api bagi kawasan sekitarnya. Lokasi Banten yang terletak di persisiran pantai menjadikan menara masjid itu berfungsi sebagai rumah api, membantu pelayaran kapal dagangan. Reka bentuk menara masjid yang dibangunkan oleh orang Belanda tersebut masih memiliki pengaruh Belanda dan kesenian Indonesia.

Kesimpulan

Implikasi kefahaman tentang asal-usul menara terhadap reka bentuknya pada masa kini masih merupakan suatu simbol atau mesej penting tentang kewujudan sebuah masjid di sesuatu tempat. Walaupun fungsi menara hari ini bukan merupakan sebuah tempat untuk menyalakan api dan muazin melaungkan azan, ia masih menjadi simbol penting kepada bahasa seni bina dan sebagai petunjuk arah kepada musafir tentang kewujudan sesebuah masjid. Menara azan juga dilambangkan jalan untuk sampai ke syurga melalui panggilan solat. Oleh yang demikian menara masjid seringkali dibina tinggi menjulang ke langit sebagai kefahaman simbol menuju kepada Tuhan Yang Maha Esa.

Rujukan

- Abdul Halim Nasir (1995), *Seni Bina Masjid di Dunia Melayu Nusantara*, Bangi: UKM.
- Abdul Halim Nasir, "Seni Bina Masjid Tradisi dan Pengaruh Luar" dlm *Dewan Budaya*, jil.12, bil.8, hlm. 43-45, Ogos 1990
- Aboebakor, H. (1955), *Sedjarah Mesjid dan Amalan Ibadah di Dalamnya*, Jakarta: NV viss and Co.
- Anuar Talib (1998), *The Tradisional of Tauhid In Islamic Art; decoration and Interior Spaces of Traditional Mosque* (satu kajian morfologis dan simbolik-Estetis). tesis UKM, tidak diterbitkan.
- Azizul Azli Ahmad (2004), "Sejarah Menara Masjid di Nusantara", *Utusan Malaysia*, 2 Mac.
- Azizul Azli Ahmad (2010), *Masjid Budaya & Senibina*, Shah Alam: UPENA, Universiti Teknologi MARA.
- Beg, M.A.J (ed), (1981), *Fine Art in Islamic Civilization*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Jonathan Bloom (1989), *Minerat Symbol of Islam*, Oxford Studies in Islamic Art VII, Walton Street Oxford.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary*, (2005), UK: Oxford University Press.
- Andrew Petersen (2002), *Dictionary of Islamic Architecture*. New York: Taylor & Francis.
- Radzi Saphic (2009), *Rumah Azan*. Kuala Lumpur: Karya Dya.

Robert Hillenbrand (1994), *Islamic Architecture*, Edinburgh.

Wolf Shoemaker, C.P, (2002), *Islamic Architecture*, n.p.

Dogun Kuban (1974), *Muslim Religious Architecture*, Netherlands: E.J Brill Leiden.

Jose Pareira (1994), *Islamic Sacred Architecture-A Stylistic History*, New Delhi: Books and Bookss.